

## 29

### *Penggunaan Rutin Berfikir dalam Penulisan Karangan yang Berkualiti*

**Norlizanah Mohamed Nor**

norlizanah\_mohamed\_nor@moe.edu.sg

**Kasidah Khatoon Kasim Khan Surattee**


kasidah\_khatoon\_kasim\_khan@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Chua Chu Kang

#### *Abstrak*

*Making Thinking Visible* yang diketengahkan oleh Ritchhart R., Church M. dan Morrison K. (2011) mengutarakan rutin berfikir sebagai alat membina kemahiran berfikir secara sistematik dan berstruktur. Jabatan Bahasa Melayu Sekolah Rendah Chua Chu Kang telah menjalankan sebuah kajian pengajaran berdasarkan keberkesanan penggunaan rutin berfikir. Ini bertujuan menjana idea yang menarik dan berkualiti untuk menghasilkan karangan yang menunjukkan kematangan ketika mengembangkan jalan cerita. Tiga rutin berfikir iaitu Lihat-Fikir-Tanya (LFT), Lampu Merah Lampu Kuning (LMLK) dan Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu? (AMAB-B) telah digunakan untuk membantu murid mengembangkan idea semasa mengarang. Hasil dapatan kajian menunjukkan secara keseluruhan, 81.5% murid berjaya mendapatkan peningkatan markah untuk bahagian isi setelah menggunakan rutin berfikir.

Kata Kunci: rutin berfikir, karangan, LFT, LMK, AMAB-B



## PENGENALAN

Aspek pengembangan idea dalam karangan sering kali menjadi perbincangan hangat dalam kalangan guru-guru Bahasa Melayu. Murid-murid tidak menggunakan sepenuhnya deria penglihatan untuk meneliti gambar-gambar yang tertera.

Rutin berfikir LFT mendidik murid-murid meneliti setiap gambar, menggunakan masa sejenak untuk berfikir serta mengajukan pertanyaan-pertanyaan untuk meningkatkan pemahaman.

Rutin berfikir LMLK pula menggalakkan murid-murid untuk berfikir secara mendalam supaya dapat mengelakkan ketidakseimbangan idea.


Rutin berfikir AMAB-B merangsang kemahiran berfikir yang mana murid-murid dapat mengembangkan idea berpandukan bukti atau pengetahuan sedia ada yang logikal.

Berikutan daripada itu, pengkaji menggunakan ketiga-tiga rutin berfikir untuk membantu murid-murid berfikir secara kritis dan berstruktur semasa mengembangkan isi karangan.

## PERNYATAAN MASALAH

Murid-murid sering menghadapi masalah apabila menghasilkan sebuah karangan yang bermutu. Lazimnya, karangan yang dihasilkan mengupas hanya isi-isi utama yang dipaparkan dalam kertas soalan. Kekurangan idea dalam pengolahan plot menghambat murid daripada menghasilkan karangan yang menarik.

Justeru, satu usaha telah dilakukan untuk menggunakan rutin berfikir bagi membantu murid mengatasi ketandusan idea untuk mengembangkan plot. Kajian ini menggunakan LFT (*see-think-wonder*), LMLK (*Red Light Yellow Light*) dan AMAB-B (*What Makes You Say That?*) untuk mengadunkan kemahiran menulis dan berfikir agar menghasilkan karangan bermutu yang mempunyai plot yang berbentuk imaginatif.



## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. menggalakkan murid supaya berfikir secara kritis semasa proses penulisan;
2. membina kemahiran menulis yang kreatif dan menarik dengan menggunakan rutin berfikir; dan
3. melihat kemampuan rutin berfikir membantu murid-murid mengembangkan plot karangan.


## KAJIAN LEPAS

Menurut Shari Tishman dan Patricia Palmer (2007) yang merupakan penyelidik bersekutu Project Zero, *Visible Thinking* atau kaedah berfikir secara jelas, guru boleh membimbing murid untuk melakukan proses pemikiran dengan cara yang sistematik dan jelas. Kaedah ini telah terbukti mampu memandu proses pemikiran murid dan juga menggalakkan mereka untuk memproses informasi secara aktif dan tersusun. Untuk menyokong pemikiran yang baik dan peluasan idea dengan jelas, Ron Ritchhart dan David Perkins (2005), telah menunjukkan keberkesanan penggunaan rutin berfikir dalam pengajaran dan pembelajaran. Rutin berfikir dapat membimbing murid dalam proses berfikir dengan lebih berstruktur. Guru bersama murid digalakkan menerokai apa yang difikirkan melalui penggunaan rutin berfikir. Guru juga dapat melihat dan menilai hasil pemikiran murid untuk menyasar pada tujuan yang diinginkan atau membiarkan murid meneroka hasil pemikiran mereka yang berbeza.

Oleh itu, berdasarkan rutin berfikir yang mampu menggalakkan murid meningkatkan pembelajaran secara kognitif dan visual serta pembelajaran secara sendiri, usaha kajian ini akan dapat membantu murid menjana idea bagi menghasilkan karangan yang menunjukkan kematangan di mana murid berfikir dengan lebih mendalam. Hal ini boleh membantu murid untuk menghasilkan penulisan yang lebih menarik dan berkualiti.

## KAEDAH KAJIAN

Kaedah kajian ini berasaskan Kajian Pengajaran (*Lesson Study*). Dapatan kaedah kualitatif hasil daripada penelitian pada bahagian isi karangan digunakan



bagi mengukur keberkesanan hasil penulisan mereka. Perbandingan data daripada praujian dan pascaujian dilakukan bagi tujuan perbandingan dan analisis kelakonan murid. Murid telah menghasilkan sebuah karangan semasa praujian sebelum sesi intervensi yang menerapkan rutin berfikir ini dijalankan. Pada bahagian pascaujian pula, murid sekali lagi telah menghasilkan sebuah lagi karangan yang memperlihatkan keberkesanan penggunaan rutin berfikir yang telah diajar dan diterapkan ke dalam pelajaran yang dijalankan.

Ritchhart, Morrison dan Church (2011) menyusun rutin yang berbeza untuk keperluan pembelajaran yang berbeza. Dalam kajian yang dijalankan, rutin berfikir Lihat-Fikir-Tanya (LFT), Lampu Merah, Lampu Kuning (LMLK) dan Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu? (AMAB-B) akan diterapkan. LFT disasar untuk mengenalkan dan meneroka idea manakala, LMK dan juga, AMAB-B digunakan sebagai instrumen untuk mengupas idea lebih mendalam. Kaedah pengajaran secara eksplisit (pengenalan, penerangan, modeling, latihan dan penutup) juga dilakar untuk memastikan pengajaran yang lebih berpandu.

### **Subjek Kajian**


Subjek kajian ini terdiri daripada 27 orang murid Darjah 5 daripada aliran standard yang berkeupayaan tinggi dan juga sederhana. Sebahagian besar daripada murid mempunyai asas yang kukuh bagi kemahiran mendengar, bertutur dan menulis. Kumpulan sasaran ini dipilih kerana guru mendapati penulisan mereka boleh ditingkatkan dengan mengembangkan plot dan langsung meningkatkan mutu penulisan mereka. Pemilihan subjek bagi peringkat ini dilakukan untuk membimbing dan meningkatkan keupayaan pencapaian murid yang berkeupayaan tinggi pada bahagian isi karangan.

### **Instrumen Kajian**

Beberapa instrumen telah digunakan dalam kajian ini.

#### **1. Praujian dan pascaujian**

Praujian dan pascaujian digunakan untuk melihat sejauh mana pengajaran menggunakan rutin berfikir dapat mempertingkatkan pencapaian murid-murid pada bahagian isi (perkembangan plot) dalam karangan. Data daripada praujian dan pascaujian dikumpulkan untuk melihat perbezaan markah yang dicapai. Dengan itu, analisis data dilakukan untuk melihat keberkesanan



pengajaran rutin berfikir dalam penulisan.

2. Gambar di Slaid *Powerpoint*


Tiga gambar yang statik telah digunakan untuk memulakan pelajaran rutin berfikir. Gambar-gambar ini merupakan gambar-gambar yang dapat membangkitkan rasa ingin tahu serta kepelbagaian idea yang dapat diterokai.

3. Gambar Karangan

Gambar karangan yang pertama diberikan semasa praujian dan pascaujian agar murid-murid dapat melakukan ujian yang sah dengan gambar yang sama. Gambar pertama ini tidak dibimbing langsung oleh guru. Gambar kedua dan gambar ketiga digunakan untuk latihan rutin berfikir dengan tujuan yang berbeza. Ini melatih murid-murid untuk membiasakan diri dengan latihan-latihan seterusnya pada masa hadapan.

4. Lembaran Aktiviti LFT, LMLK dan AMAB-B

Pengkaji telah menyiapkan lembaran kerja bagi aktiviti untuk membimbing murid-murid semasa pengajaran rutin berfikir ini dijalankan. Lembaran kerja ini dihasilkan dengan harapan dapat meluaskan lagi pemikiran murid-murid dalam mengembangkan plot serta memberikan idea-idea yang menarik lagi logikal untuk menyelesaikan karangan mereka.



5. Skala Ukuran

Skala ukuran bertujuan untuk mendapatkan maklum balas murid-murid mengenai keyakinan mereka menggunakan rutin berfikir semasa penulisan karangan. Berdasarkan data ini juga, guru dapat memberikan suntikan yang seterusnya untuk membimbing murid-murid yang memerlukan bimbingan



secara individu dalam penggunaan rutin berfikir. Skala ukuran 1 hingga 5 (1-merupakan tahap di mana murid tidak faham langsung dan 5-merupakan tahap di mana murid sangat yakin dengan penggunaan rutin berfikir) mengukur pemahaman serta keyakinan mereka.


### **Prosedur Kajian**

Kajian ini dijalankan sebagai satu projek untuk meningkatkan pakej karangan yang sedia ada. Para guru anggota Unit Bahasa Melayu Sekolah Rendah Chua Chu Kang telah bersependapat untuk menggunakan rutin berfikir LFT, LMLK dan AMAB-B di samping BASM2 dan BASM2B yang merupakan 5W1H. Jabatan ini telah memilih rutin berfikir untuk menambah nilai penulisan dengan pengajaran yang eksplisit.

Sepuluh sesi pengajaran dan pembelajaran telah dijalankan dan setiap sesi mengambil masa lebih kurang satu jam. Kajian bermula pada peringkat awal dengan kertas praujian yang diduduki murid-murid. Pada peringkat ini, murid-murid masih belum didedahkan kepada rutin berfikir. Langkah ini bertujuan untuk melihat keupayaan murid-murid untuk menulis sebuah karangan yang lengkap. Melalui praujian yang dijalankan, didapati bahawa murid-murid tidak mendapat skor yang memuaskan pada bahagian isi karangan. Karangan yang dihasilkan tidak mengandungi perkembangan plot yang menunjukkan pemikiran yang kritis semasa menulis.


Lantaran itu, guru telah melaksanakan pengajaran secara eksplisit dengan menggunakan kaedah lima peringkat untuk memastikan proses pembelajaran yang lebih berkesan. Guru telah menunjukkan tiga gambar yang dapat merangsang murid-murid berfikir dengan teratur. Murid-murid dapat mengajukan soalan-soalan dan juga idea-idea dalam sesi sumbang saran hanya dengan paparan gambar yang guru siapkan. Guru telah mengkategorikan jawapan di papan putih agar murid-murid dapat melihat idea-idea mereka dengan lebih jelas. Setelah itu, guru meminta murid-murid untuk membuat andaian apakah yang berlaku selanjutnya.

Setelah itu, guru mula mendedahkan rutin berfikir yang pertama iaitu LFT. Guru pada mulanya mengajar apa yang diperlukan untuk Gambar 1 dan kemudian murid menggunakan LFT untuk berfikir secara kumpulan bagi setiap gambar bersiri. Murid-murid dikehendaki mengisi setiap ruang LFT mengikut salah satu gambar yang bersiri enam. Rutin ini menggalakkan murid berkongsi kosa kata di



samping mendalami dan memahami gambar itu dengan sepenuhnya.

Rajah 1: Contoh hasil Kerja Murid – Aktiviti Lihat, Fikir dan Tanya


Lihat, Fikir dan Tanya?		
Apakah yang kamu LIHAT?	Apakah yang kamu FIKIRkan?	Apakah yang membuat kamu terTANYA-tanya?
 <p>1) Guru mengajar murid menulis sesuatu di papan Putih. Seorang murid lelaki kelihatan tergesa-gesa.</p> <p>2) Kawan-kawannya sedang bersorak. ✓budak lelaki itu mahu melompat. ✓budak lelaki itu sedang berdiri di atas meja.</p>	 <p>1) ✓ada sesuatu perkara buruk telah berlaku ✓guru berasa marah kerana diganggu. ✓kelas bersebelahan.</p> <p>2) ✓setengah kelas berasa risau. ✓budak lelaki itu hendak jadi hebat, ✓Dia hendak menunjuk-menunjuk.</p>	 <p>siapa suruh lompat? mengapa tiada cikgu? mengapa mereka degil? mengapa mereka tidak baca buku? mengapa ada ramai budak gelak? mengapa murid lelaki itu kelihatan panik?</p>


Pada sesi yang seterusnya, guru mengenalkan rutin berfikir LMLK. Strategi ini membantu murid-murid supaya berhenti sejenak untuk memikirkan apa yang sedang berlaku, apa yang telah berlaku dan apa yang akan berlaku. Murid-murid juga dibimbing untuk memikirkan pelbagai senario yang mungkin telah, sedang dan akan berlaku.

Rajah 2: Contoh hasil Kerja Murid – Aktiviti Lampu Merah, Lampu Kuning

### LMK

Lampu Merah, Lampu Kuning





	<p style="text-align: center;"><b>Merah</b></p> <p style="text-align: center;"><b>BERHENTI!</b></p> <p style="text-align: center; font-size: 2em;">5</p> <p>Mengapa Cikgu bimbang kepada budak itu dan tidak rasa marah? Kenapa pengawas itu di belakang mesin at budak itu untuk melihat keadaannya?</p> <p>Adakah kepantasan seruk sangat? (arah)</p>	<p style="text-align: center;"><b>Kuning</b></p> <p style="text-align: center;"><b>Mungkin...</b></p> <p style="text-align: center; font-size: 2em;">5</p> <p>Mungkin... • Mungkin... Itu Cikgu kelas lain • Pengawas itu bimbang jadi pengawas di sekolah itu. • Pengawas itu rasa bosan dan hendak melihat satu benda seronok.</p> <p>Mungkin... • Mungkin... Itu Fidan person Nadia keadaan semacam di sekolah itu. • Pengawas itu rasa bosan dan hendak melihat satu benda seronok.</p>
	<p>Making Thinking Visible : Thinking Routine – R Key Thinking Moves : Monitoring, Identification</p> <p>Jabatan Bahasa Melayu CCKPS</p>	




Bagi kedua-dua rutin ini, guru menggunakan gambar bersiri enam yang sama untuk membantu murid-murid mengembangkan plot berdasarkan gambar-gambar yang sedia ada dan juga menggalakkan pemikiran yang lebih mendalam dan kreatif.

Pada langkah yang terakhir, guru menggunakan rutin berfikir AMAB-B untuk mencungkil idea-idea murid-murid dengan meramalkan apa yang akan terjadi. Bukti-bukti untuk menyokong idea-idea mereka juga ditunjuk ajar. Secara tidak langsung, murid-murid diperlukan untuk membuat pilihan jawapan yang tepat lagi logikal.

**Rajah 3: Contoh hasil Kerja Murid – Aktiviti AMAB-B**

<h2 style="margin: 0;">Apa yang Menyebabkan Awak Berkata Begitu?</h2>	
<p><b>Saya ramalkan...</b>                      Ahi Bomba menyelamatkan orang-orang di bloknya. Rumah musnah. Tunggul langgang. Kesusakan nafas.</p> 	<p><b>Mengapa?</b>                      Api marak merobak dengan pantas pancutan akibat semburan air bekalan elektrik terputus akibat semburan hos air.</p> 
<p><b>Apa yang saya lihat yang membuat saya kata begitu?</b>                      Rumah hangus dan kegelapan. Harta benda harus dibeli. (Harta benda rosak)</p> 	<p><b>Apa yang saya tahu yang membuat saya kata begitu?</b>                      Harta Benda harus dibeli kerana digilap api.</p> 

Bagi mengukur keberkesanan strategi LFT, LMLK dan AMAB-B, aktiviti pascaujian dijalankan untuk menentukan pencapaian murid bagi menghasilkan karangan yang lebih berkualiti. Setelah usaha intervensi dijalankan, murid dikehendaki membuat penilaian sendiri mengenai keyakinan menggunakan rutin berfikir sebelum menulis sebuah karangan.






## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan menganalisis dapatan kajian secara kualitatif berdasarkan kelakonan bagi 27 orang murid. Analisis ini berasaskan data praujian dan pascaujian serta skala ukuran.

Secara keseluruhan, terdapat lonjakan markah yang ketara dalam pascaujian. Dapatan menunjukkan 81.5% murid menunjukkan kenaikan markah antara satu hingga empat markah. Jadual di bawah menunjukkan markah purata praujian ialah 11.6, manakala markah purata pascaujian ialah 14 markah. Dapatan tersebut menunjukkan anjakan peningkatan markah purata sebanyak 2.4. Berikut ialah taburan markah murid praujian dan pascaujian serta carta menunjukkan perbezaan markah.


**Jadual 1: Taburan Markah Murid dalam Praujian dan Pascaujian**

Subjek Kajian	PRAUJIAN (Isi) (20 markah penuh)	PASCAUJIAN (Isi) (20 markah penuh)
M1	12	14
M2	13	13
M3	14	16
M4	12	14
M5	11	15
M6	10	14
M7	13	13
M8	12	15
M9	11	14
M10	12	12
M11	13	15
M12	11	14
M13	10	13
M14	10	14
M15	12	15
M16	11	15
M17	10	13
M18	11	13




M19	12	11
M20	12	15
M21	12	15
M22	12	15
M23	13	16
M24	11	14
M25	10	13
M26	12	12
M27	11	14
<b>Min</b>	<b>11.6</b>	<b>14</b>

**Rajah 4: Taburan Markah Murid**



Oleh itu, dapatan kajian menunjukkan kemampuan strategi rutin berfikir untuk meningkatkan tahap berfikir dan peluasan idea murid-murid. Rutin-rutin yang dipilih bersesuaian dengan tahap kebolehan murid dan telah membuahkan hasil yang positif dari segi pencapaian murid. Ternyata, murid meraih manfaat dari segi kemahiran mengembangkan idea dalam karangan. Rutin-rutin yang digunakan dan aktiviti-aktiviti berpandu yang dijalankan telah berjaya menggalakkan murid berfikir dengan secara kreatif dan kritis bagi menjana idea. Pengkaji berpendapat jika strategi ini digunakan di dalam setiap kelas, lebih ramai murid akan dapat meluaskan idea-idea semasa penulisan karangan.


Selain itu, penelitian telah dilakukan untuk menunjukkan keyakinan murid. Ini merupakan penilaian individu mengenai keyakinan mereka menggunakan rutin berfikir dalam penulisan mereka. Kebanyakan murid yakin dengan penggunaan LFT, LMLK serta AMAB-B dalam proses merancang serta menolong mereka




untuk menjana idea sebelum menulis karangan.

**Rajah 5: Maklum Balas Murid**



**Penggunaan LFT dalam Karangan**



**Rajah 6: Penggunaan LMLK dalam Karangan**



**Rajah 7: Penggunaan AMAB-B dalam Karangan**



## KESIMPULAN

Kajian ini mengukuhkan keberkesanan rutin berfikir yang dijalankan untuk membantu murid-murid berfikir dengan lebih aktif dan tersusun semasa penulisan karangan. Strategi ini ternyata cara yang baik untuk mempertajam kemahiran menulis murid dan mempertingkatkan rasa yakin diri untuk mengetengahkan pendapat dan sekali gus, menyokongnya dengan bukti-bukti. Dapatan ini bertepatan dengan objektif asal iaitu menggalakkan murid-murid berfikir dengan kritis dan kreatif. Rutin berfikir dapat diaplikasikan dalam pengajaran karangan untuk membimbing murid dalam proses berfikir dan pembelajaran sendiri. Peningkatan markah yang signifikan setelah rutin berfikir diterapkan menunjukkan keberkesanan strategi dalam pengajaran, lantas berjaya menjana murid yang aktif dan cerdas. Dengan penggunaan pengajaran eksplisit, projek ini dapat dilaksanakan dengan perancangan yang teliti lagi mudah diikuti.

Justeru itu, guru bercadang untuk menerapkan strategi ini pada tahun 2018 untuk membantu murid-murid lain berfikir dengan lebih berstruktur and kritis. Diharapkan dengan pengenalan dan penerapan rutin berfikir, murid akan dapat memanfaatkan pengajaran yang lebih berpandu untuk berfikir.

## RUJUKAN

Ritchart, R., Church, M., & Morrison, K. (2011). *Making thinking visible: How to promote engagement, understanding, and independence for all learners*. San Francisco: Jossey-Bass.

Ron Ritchhart "Thinking Routines: Establishing patterns of thinking in the classroom" (paper presented at the AERA Conference, San Francisco, 2006).

Visible Thinking. Dirujuk pada November 15, 2017, daripada <http://www.pz.harvard.edu/projects/visible-thinking>

